



Ruj. Fail : KPWKM(S):16/03/03/07(6)

Tarikh : 26 Mei 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

PENGESAHAN PENYATA GAJI BAGI PEMOHONAN PINJAMAN PERIBADI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berdasarkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Bil. 1 Tahun 2015 yang telah diadakan pada 2 April 2015, YB Dato' Sri Pengerusi telah menetapkan bahawa kakitangan yang ingin membuat **permohonan pinjaman peribadi** hendaklah melalui Bahagian Akaun KPWKM untuk tujuan pengesahan pada **penyata gaji**.
3. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengeluarkan Peraturan Mengenai Larangan Meminjam Wang Dan Berada Dalam Keberhutangan Kewangan Yang Serius Ke Atas Pegawai Awam melalui surat rujukan JPA(S)TT.7082 Jld. 6 (35) bertarikh 28 Disember 2005.
4. Merujuk kepada surat tersebut, **pendapatan bersih seseorang penjawat awam hendaklah berada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40% daripada emolumen bulanan mereka**. Oleh itu, bagi mengawal keberhutangan kewangan yang serius di KPWKM, Ketua Jabatan perlu mendapatkan pengesahan pendapatan pada penyata gaji kakitangan yang membuat permohonan pinjaman peribadi daripada Bahagian Akaun.
5. Bagi skim pinjaman komputer, skim pinjaman kenderaan dan skim pinjaman perumahan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam, pengesahan pada penyata gaji bagi ketiga-tiga pinjaman tersebut **tidak perlu** melalui Bahagian Akaun KPWKM.

6. Sehubungan itu, YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memanjangkan surat ini kepada pegawai di bawah seliaan untuk perhatian dan makluman selanjutnya.

7. Sebagai makluman YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, Bahagian Akaun menguruskan gaji kakitangan bagi sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah KPWKM iaitu:

- a) Ibu Pejabat KPWKM;
- b) Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- c) Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW);
- d) Institut Sosial Malaysia (ISM);
- e) *NAM Institute For The Empowerment of Women* (NIEW);
- f) Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKMNKL);
- g) Pejabat Pembangunan Wanita Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (PPWNKL);
- h) Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi; dan
- i) Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah

Oleh itu, **hanya kakitangan yang bekerja di PTJ seperti di atas sahaja yang perlu melalui Bahagian Akaun KPWKM untuk tujuan pengesahan penyata gaji bagi permohonan pinjaman peribadi.**

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai di Bahagian Akaun seperti berikut:

- a) **Puan Siti Nur Dzulaikha binti Mohd Ghazali**
Akauntan
Unit Gaji dan Bayaran, Seksyen Perakaunan Kewangan
No. Tel : 03-8323 1181
- b) **Puan Aminah binti Mawardi**
Penolong Akauntan
Unit Gaji dan Bayaran, Seksyen Perakaunan Kewangan
No. Tel : 03-8323 1198
- c) **Encik Mohd Khairil Amil bin Mohd Saad**
Pembantu Akauntan
Unit Gaji dan Bayaran, Seksyen Perakaunan Kewangan
No. Tel : 03-8323 1197

9. Perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD REDZUAN BIN HASAN)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

- s.k. 1. YBhg. Dato' KSU
2. YBhg. Dato' TKSU (O)
3. TKSU (S)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. SUSK Pejabat YB Menteri
2. SUSK Pejabat YB Timbalan Menteri
3. SUSK Pejabat YB Timbalan Menteri
4. SUB (Dasar)
5. SUB (PSM)
6. SUB (KP)
7. SUB (DSN)

8. SUB (Antarabangsa)
9. KUKK
10. SUB (K)
11. SUB (B)
12. KUAD
13. Akauntan W52 (Akaun)
14. Ketua Unit NKRA
15. Ketua Unit Integriti
16. Pengurus BPM
17. PUU 1
18. Pendaftar Lembaga Kaunselor

SENARAI EDARAN LUARAN

1. Ketua Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Aras 6, 9 - 18, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

(Kod PTJ: 050101)
2. Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita
Aras 25, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

(Kod PTJ: 020101)

3. Pengarah
Institut Sosial Malaysia
Lot PT 13856
KM 6, Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban
Sungai Besi
57100 Kuala Lumpur

(Kod PTJ: 220101)

4. Pengarah
NAM *Institute for the Empowerment of Women* (NIEW)
Aras 28, No. 55 Persiaran Perdana
Presint 4
62100 Putrajaya

(Kod PTJ: 030101)

5. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat W.P. Kuala Lumpur
Tingkat 9, Grand Seasons Avenue
No.72, Jalan Pahang
50564 Kuala Lumpur

(Kod PTJ: 070101)

6. Pengarah
Pejabat Pembangunan Wanita WP Kuala Lumpur dan Putrajaya
Lot 10.2, Tingkat 10,
Grand Seasons Avenue,
No.72 Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur

(Kod PTJ: 021301)

7. Pengetua
Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi
Batu 6 1/4 Jalan Sungai Besi
57100 Kuala

(Kod PTJ: 460101)

8. Pengetua
Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah
Batu 4, Jalan Cheras
56000 Kuala Lumpur

(Kod PTJ: 260101)